MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA
(MALAYSIAN MEDICAL COUNCIL)
Kementerian Kesihatan Malaysia
(Ministry Of Health Malaysia)
BLOK B, ARAS BAWAH
JALAN CENDERASARI
50590 KUALA LUMPUR

03-2691 2171
Tel : ~~03 - 2262 8480 / 8481 / 8482~~
Faks : 03 - 2693 8569 / 03 - 2691 2937
Emel : admin.mmc@moh.gov.my
Laman Sesawang : http://www.mmc.gov.my

MPM 87/A4/100-1 (1)

30 Jun 2017

SENARAI EDARAN

Tuan / Puan,

PENGUATKUASAAN AKTA PERUBATAN (PINDAAN) 2012 DAN PERATURAN-PERATURAN PERUBATAN 2017, PADA 1 JULAI 2017

Dengan hormat saya merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 1(2) Akta Perubatan (Pindaan) 2012 [*Akta A1443*], YB Menteri Kesihatan Malaysia telah menetapkan tarikh 1 Julai 2017 sebagai tarikh Akta Perubatan (Pindaan) 2012 mulai berkuatkuasa sebagaimana yang telah diwartakan pada 23 Jun 2017; dan YB Menteri Kesihatan juga telah menetapkan bahawa Peraturan-peraturan Perubatan 2017 juga akan mulai berkuatkuasa pada 1 Julai 2017 sebagaimana yang telah diwartakan pada 28 Jun 2017.

3. Dengan berkuatkuasanya Akta Perubatan (Pindaan) 2012 yang meminda peruntukan di dalam Akta Perubatan 1971 dan Peraturan-peraturan Perubatan 2017 pada 1 Julai 2017 bagi menggantikan Peraturan Perubatan 1974, terdapat beberapa tambahan peruntukan penting di dalam Akta dan Peraturan Perubatan, berkenaan dengan struktur dan komposisi keahlian Majlis Perubatan Malaysia (MPM) dan juga berkenaan dengan kawal selia pengamal perubatan, diantaranya adalah:

a. Majlis Perubatan Malaysia (MPM) akan berfungsi sebagai sebuah badan kawal selia pengamal perubatan yang berstatus sebagai sebuah Badan Berkanun (*Corporate Entity*).

b. Komposisi ahli-ahli Majlis akan terdiri daripada 17 orang ahli yang dipilih, 9 orang ahli yang dilantik dari kalangan ahli akademik perubatan, 6 orang dilantik dari kalangan pengamal perubatan swasta dan awam, dan Ketua Pengarah Kesihatan akan mengetuai sebagai Presiden MPM.

RECEIVED
07 JUL 2017

c. Aktiviti harian MPM akan ditadbirkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif yang juga merupakan Setiausaha kepada MPM, dan ianya akan berfungsi selaras dengan arahan MPM. Ketua Pegawai Eksekutif akan dilantik oleh Presiden setelah mendapat persetujuan MPM.

d. Sebagai sebuah Badan Berkanun, MPM akan melantik pegawai-pegawai sekretariat MPM dan juga akan menguruskan kewangannya sendiri melalui tabung "Kumpulan Wang Majlis Perubatan Malaysia" yang melibatkan pengurusan kutipan hasil dan urusan pembayaran.

e. Peraturan Perubatan 2017 telah menetapkan kadar Fi berkaitan dengan urusan pendaftaran pengamal perubatan (Jadual Kedua), dan MPM sebagai sebuah Badan Berkanun juga telah menetapkan kadar Fi yang akan dikenakan kepada semua perkhidmatan yang disediakan oleh MPM (sebagaimana di lampiran) yang akan mulai berkuatkuasa pada 1 Julai 2017.

f. Semua doktor pakar mestilah berdaftar dengan MPM di bawah Akta Perubatan (Pindaan) 2012 bagi membolehkan mereka mengamal sebagai seorang doktor pakar dalam bidang kepakaran yang tertentu.

g. MPM akan bertanggung jawab untuk mengiktiraf pusat-pusat latihan perubatan dan mengiktiraf ijazah kelayakan yang diberikan oleh pusat latihan berkenaan bagi tujuan pendaftaran.

h. Semua pengamal perubatan dikehendaki menyatakan nombor pendaftaran penuh dan nombor pendaftaran pakar yang berkenaan dalam setiap urusan professional mereka.

i. Semua pengamal perubatan perlu memiliki sijil perakuan amalan tahunan (*Annual Practicing Certificate* – ***APC***) untuk membolehkan mereka mengamal sebagai pengamal perubatan yang sah.

j. Bermula pada 1 Januari 2019 iaitu bagi permohonan APC untuk tahun 2020 semua permohonan APC perlu disertai dengan bukti '*professional indemnity cover*' dan 'pengumpulan mata *continuing professional development* (CPD) sebanyak 20 mata'.

k. MPM akan melantik keanggotaan Panel Disiplin (*Disciplinary Panel*) yang akan terdiri dari kalangan ahli MPM, pengamal perubatan dan orang awam untuk terlibat dalam pengendalian penyiasatan sebarang aduan berkaitan dengan isu disiplin dan etika pengamal perubatan.

l. Keanggotaan JK Penyiasatan Permulaan (PIC) akan dilantik dari kalangan Panel Disiplin, dan begitu juga jika perlu keanggotaan *Disciplinary Board* untuk mendengar kes berkenaan juga akan dilantik dari kalangan anggota Panel Disiplin.

m. Akta ini memberi kuasa kepada *Disciplinary Board* untuk mengeluarkan perintah interim (*Interim Orders*) untuk menggantung pengamal perubatan jika didapati perlu demi melindungi keselamatan masyarakat umum.

4. Maklumat lengkap mengenai pelbagai peruntukan yang termaktub di dalam Akta Perubatan (Pindaan) 2012 dan Peraturan-peraturan Perubatan 2017 boleh diteliti secara lengkap dari dokumen berkenaan yang telah diwartakan masing-masing pada 23 Jun 2017 dan 28 Jun 2017.

5. Kerjasama semua pihak adalah diminta untuk mengambil perhatian terhadap pelbagai peruntukan di dalam Akta Perubatan (Pindaan) 2012 dan juga peruntukan Peraturan-peraturan Perubatan 2017, dan memaklumkan perkara tersebut kepada semua Pengamal Perubatan di bawah jagaan masing-masing, bagi mempastikan pematuhan kepada pelbagai peruntukan di dalam Akta Perubatan (Pindaan) 2012 dan Peraturan-peraturan Perubatan 2017.

Sekian dimaklumkan dan didahului dengan ucapan terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

Yang ikhlas,

DATUK DR NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan, merangkap
Presiden Majlis Perubatan Malaysia.

c. Aktiviti harian MPM akan ditadbirkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif yang juga merupakan Setiausaha kepada MPM, dan ianya akan berfungsi selaras dengan arahan MPM. Ketua Pegawai Eksekutif akan dilantik oleh Presiden setelah mendapat persetujuan MPM.

d. Sebagai sebuah Badan Berkanun, MPM akan melantik pegawai-pegawai sekretariat MPM dan juga akan menguruskan kewangannya sendiri melalui tabung "Kumpulan Wang Majlis Perubatan Malaysia" yang melibatkan pengurusan kutipan hasil dan urusan pembayaran.

e. Peraturan Perubatan 2017 telah menetapkan kadar Fi berkaitan dengan urusan pendaftaran pengamal perubatan (Jadual Kedua), dan MPM sebagai sebuah Badan Berkanun juga telah menetapkan kadar Fi yang akan dikenakan kepada semua perkhidmatan yang disediakan oleh MPM (sebagaimana di lampiran) yang akan mulai berkuatkuasa pada 1 Julai 2017.

f. Semua doktor pakar mestilah berdaftar dengan MPM di bawah Akta Perubatan (Pindaan) 2012 bagi membolehkan mereka mengamal sebagai seorang doktor pakar dalam bidang kepakaran yang tertentu.

g. MPM akan bertanggung jawab untuk mengiktiraf pusat-pusat latihan perubatan dan mengiktiraf ijazah kelayakan yang diberikan oleh pusat latihan berkenaan bagi tujuan pendaftaran.

h. Semua pengamal perubatan dikehendaki menyatakan nombor pendaftaran penuh dan nombor pendaftaran pakar yang berkenaan dalam setiap urusan professional mereka.

i. Semua pengamal perubatan perlu memiliki sijil perakuan amalan tahunan (*Annual Practicing Certificate* – ***APC***) untuk membolehkan mereka mengamal sebagai pengamal perubatan yang sah.

j. Bermula pada 1 Januari 2019 iaitu bagi permohonan APC untuk tahun 2020 semua permohonan APC perlu disertai dengan bukti '*professional indemnity cover*' dan 'pengumpulan mata *continuing professional development* (CPD) sebanyak 20 mata'.

k. MPM akan melantik keanggotaan Panel Disiplin (*Disciplinary Panel*) yang akan terdiri dari kalangan ahli MPM, pengamal perubatan dan orang awam untuk terlibat dalam pengendalian penyiasatan sebarang aduan berkaitan dengan isu disiplin dan etika pengamal perubatan.

l. Keanggotaan JK Penyiasatan Permulaan (PIC) akan dilantik dari kalangan Panel Disiplin, dan begitu juga jika perlu keanggotaan *Disciplinary Board* untuk mendengar kes berkenaan juga akan dilantik dari kalangan anggota Panel Disiplin.

m. Akta ini memberi kuasa kepada *Disciplinary Board* untuk mengeluarkan perintah interim (*Interim Orders*) untuk menggantung pengamal perubatan jika didapati perlu demi melindungi keselamatan masyarakat umum.

4. Maklumat lengkap mengenai pelbagai peruntukan yang termaktub di dalam Akta Perubatan (Pindaan) 2012 dan Peraturan-peraturan Perubatan 2017 boleh diteliti secara lengkap dari dokumen berkenaan yang telah diwartakan masing-masing pada 23 Jun 2017 dan 28 Jun 2017.

5. Kerjasama semua pihak adalah diminta untuk mengambil perhatian terhadap pelbagai peruntukan di dalam Akta Perubatan (Pindaan) 2012 dan juga peruntukan Peraturan-peraturan Perubatan 2017, dan memaklumkan perkara tersebut kepada semua Pengamal Perubatan di bawah jagaan masing-masing, bagi mempastikan pematuhan kepada pelbagai peruntukan di dalam Akta Perubatan (Pindaan) 2012 dan Peraturan-peraturan Perubatan 2017.

Sekian dimaklumkan dan didahului dengan ucapan terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

Yang ikhlas,

DATUK DR NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan, merangkap
Presiden Majlis Perubatan Malaysia.

s.k. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

TKSU (P)
TKSU (K)
TKPK (P)
TKPK (KA)
TKPK (P/ST)

LAMPIRAN:

KADAR FI - SEMUA PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN OLEH MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA BERKUATKUASA MULAI PADA 1 JULAI 2017

No	PERKHIDMATAN (Jadual Kedua, Peraturan Perubatan 2017)	KADAR FI - (RM)
1.	Permohonan Pendaftaran Sementara	100
2.	Permohonan Pendaftaran Penuh	150
3.	Permohonan Perakuan Sijil Amalan Tahunan (APC)	100
4.	Fi Tambahan kepada permohonan lewat APC	100
5.	Permohonan pembaharuan Perakuan Sijil Amalan Sementara (TPC)	500
6.	Permohonan pendaftaran dan memasukan semula nama ke dalam daftar (*Application for reinstatement and restoration of name into register*)	100
7.	Permohonan Pendaftaran Doktor Pakar (5 tahun)	1,500

No.	LAIN-LAIN PERKHIDMATAN	KADAR FI - (RM)
8.	Permohonan untuk Peperiksaan Pendaftaran Sementara (EPR)	1,000
9.	Pembatalan syarat (*condition*) dalam pendaftaran-14(3)	500
10	Permohonan untuk mencari dan menyemak maklumat	75
11	Permohonan untuk pensijilan LOGS	500
12	Permohonan penterjemahan sijil	200
13	Permohonan salinan dokumen / sijil	200
14	Permohonan penghantaran dokumen secara pos berdaftar atau perkhidmatan kurier – tambahan fi	20
15	Permohonan salinan rekod prosiding	50
16	Permohonan yang memerlukan maklum balas melalui faksimile – tambahan fi	5
17	Peperiksaan EPR – Kertas teori	3,000
18	Peperiksaan EPR – Kertas klinikal	3,000
19	Semakan semula keputusan peperiksaan EPR	300

Bayar kepada: "Kumpulan Wang Majlis Perubatan Malaysia"